

STATUS HADIS-HADIS TARIKH BERBEKAM: SUATU TINJAUAN SEMULA BERDASARKAN PENGAPLIKASIAN DAN PANDANGAN SEMASA

Juwairiah Binti Nyak Abdul Aziz

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan,
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: +6011-56800878, E-mail: juwairiahaziz@gmail.com

Miss Niswan Hayeesalaeh

Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit Chandan,
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

Tel: +6011-36341070, E-mail: 9981niswan@gmail.com

ABSTRAK

Berbekam adalah salah satu sunnah Nabi SAW yang sangat dianjurkan dengan cadangan tarikh-tarikh yang terbaik dalam beberapa hadis. Masing-masing hadis ini berdepan dengan keraguan para ahli hadis akan ke-*ṣahīh*-an intipatinya, malah sebahagiannya menolak hadis bab ini dengan alasan-alasan tertentu. Namun, keunikan matan hadis-hadis ini menjadi tanda tanya sama ada berbekam pada tarikh-tarikh tertentu hanya sekadar adat kebiasaan atau bersifat *ma'qūl ma'nā* (berkaitan dengan logik akal) dan adakah ia diaplikasikan? Pengaplikasian dan pandangan semasa boleh memberi impak kepada status hadis. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menerokai sejauh mana pengaplikasian dan pandangan ilmiah memberi kesan terhadap status hadis sedia ada. Kajian kualitatif ini menggunakan kitab berkaitan hadis sebagai rujukan utama, jurnal, buku akademik dan laporan penyelidikan. Data-data kemudian dianalisis secara tematik dan tekstual. Dapatan kajian membuktikan bahawa kesemua hadis ini pernah diaplikasikan dan keunikan tarikh-tarikh tersebut telah dibuktikan secara saintifik. Justeru itu, hal ini melayakkan status sebahagian hadis-hadis tersebut untuk diangkat menjadi *ḥasan li ghayrihi*.

Kata kunci: Status, hadis berbekam, 17, 19 dan 21, pengaplikasian, fasa bulan

ABSTRACT

Cupping is one of the most well-organized Sunnah of the Prophet (PBUH) with suggestions of the best dates in some hadiths. Each of these hadiths, in turn, were doubted by scholars of hadith of its own essence, and some scholars rejected the hadith of this chapter for some reason. However, the uniqueness of these hadiths became a question of whether the cupping on specific dates is just customary or *ma'qūl ma'nā* (has a logical reasoning) and is it practiced? The practice of the hadith and the current view can have an impact on the status of the hadith. Therefore, this study aims to explore the extent to which practices and scientific views affect the existing status of hadiths. This qualitative study referenced to books related to hadith as major references, journals, academic books and research reports. The data were then analyzed thematically and textually. The findings show that all these hadiths have been practiced and the uniqueness of those dates has been scientifically proven. Therefore, this entitles the status of some of these hadiths to be upgraded as *ḥasan li ghayrihi*.

Keywords: Status, hadith of cupping, 17, 19 and 21, practice, moon phase

PENGENALAN

Berbekam sebagai sebuah tradisi perubatan yang diamalkan dalam pelbagai budaya di dunia sudah wujud semenjak zaman Nabi Muhammad SAW lagi. Bekam juga dikenali sebagai *al-ḥijāmat*, *cupping*, *badkesh*, *bahnkes*, *nuhang*, *bantusa*, *kuyukaku*, *gak hoi* dan banyak lagi (KKM, 2013). Bekam didefinisikan sebagai rawatan tradisional yang mengeluarkan darah kotor atau angin daripada tubuh badan seseorang dengan menoreh sedikit pada bahagian kepala atau belakang badan dan menghisap darah dengan tanduk atau cawan yang ditelengkupkan pada tempat yang ditoreh (Pustaka, 2010). Terdapat dua jenis bekam, iaitu:

- *Dry cupping* (bekam kering), iaitu proses bekam yang tidak mengeluarkan darah dan hanya menggunakan plastik penyedut atau cawan untuk dilekapkan pada tubuh. Sebahagian pengamal perubatan menggunakan losyen pada bahagian tubuh yang ingin dibekam untuk memudahkan pergerakan cawan ke kawasan badan yang lain.
- *Wet cupping* (bekam basah), iaitu bekam yang melibatkan proses suntikan atau torehan untuk membuat luka kecil yang boleh mengeluarkan darah dan kemudian disedut keluar menggunakan alat sedutan seperti cawan dan lain-lain (Noor, 2016).

Adapun, berbekam yang tergolong sebagai sunnah Nabi SAW adalah *wet cupping* atau bekam basah sahaja. Terdapat banyak hadis yang menunjukkan bahawa berbekam sangat dianjurkan oleh Baginda SAW. Di samping itu, para imam hadis turut menukilkan hadis-hadis berbentuk *qawliyyah* dan *fi'liyyah* tentang tarikh-tarikh bekam tertentu dalam kitab hadis mereka. Hal demikian menunjukkan bahawa Baginda SAW tidak hanya mementingkan perbuatan bekam itu sendiri sebagai alternatif perubatan, tetapi juga menentukan waktu yang sesuai untuk berbekam.

1.0 PERNYATAAN MASALAH

Henry Clutterbuck M.D. merupakan seorang tokoh perubatan yang masyhur pada pertengahan abad kesembilan belas. Beliau juga merupakan salah seorang ahli *The Royal College of Physicians*, yang mana hasil karya beliau mendapat pengiktirafan dalam kalangan pakar perubatan. Salah satu karya beliau telah menekankan berbekam sebagai salah satu inisiatif perubatan yang mempunyai kelebihan yang pelbagai. Beliau juga turut mencatatkan dalam *The Proper Administions of Blood-letting* tiga tujuan utama untuk berbekam; 1) rawatan, 2) mengurangkan penderitaan sakit dan 3) pencegahan penyakit. Beliau juga menggarisbawahi bahawa kesan bekam sememangnya menakjubkan seandainya ia dilakukan dengan betul (Clutterbuck, 1840).

Berbekam dengan betul mempunyai erti yang lebih luas daripada sekadar lafaz zahirnya merangkumi kaedah, proses, peralatan, waktu dan tempat yang tepat dan sesuai. Membahas tentang waktu, Rasulullah SAW telah menekankan tarikh-tarikh tertentu sebagai tarikh terbaik untuk berbekam. Terdapat lebih daripada satu buah hadis yang menceritakan tentang tarikh yang sesuai untuk berbekam, yakni tarikh 17, 19 dan 21 hari bulan mengikut kalendar Islam ataupun digelar sebagai kalendar Lunar. Antara hadis yang berbicara dalam bab ini termasuklah riwayat Abū Dāwud (no. 3861), al-Tirmidhī (no. 2051 dan 2053), Ibn Mājah (no. 3477), al-Ṭabrānī (no. 499), al-Bayhaqī (no. 19538) dan Ibn al-Jawzī (no. 1731) (Al-Hāshimī, 1982).

Namun begitu, tiada satu pun daripada hadis-hadis tersebut yang berstatus *ṣahīḥ* atau *ḥasan* secara ijmak dalam kalangan ahli hadis. Hal ini menyebabkan matan hadis tersebut tidak dapat dipastikan kebenarannya. Apalagi, terdapat hadis yang jelas menyebutkan bahawa berbekam pada tarikh-tarikh tersebut dapat menyembuhkan segala jenis penyakit (*H.R. Abū Dāwud: 3861*). Hal ini menimbulkan persoalan sama ada tarikh-tarikh tersebut semata-mata sebuah norma pada zaman itu atau benar-benar mempunyai hubungan dengan sains. Pencerahan mengenai hubungan antara kedua-duanya secara tidak langsung akan memberi kesan kepada status hadis-hadis dalam bab tarikh berbekam ini. Justeru itu, artikel ini akan menjadi tinjauan semula tentang hakikat status hadis-hadis bab tarikh berbekam dan hubungannya dengan sains.

2.0 PERSOALAN KAJIAN

- 2.0.1 Apakah status hadis-hadis berkaitan tarikh berbekam dan alasannya?
- 2.0.2 Bagaimanakah pengaplikasian ahli ilmu terhadap hadis-hadis tarikh berbekam ini?
- 2.0.3 Sejauh manakah hubungan antara hadis-hadis tarikh berbekam dengan sains memberi kesan kepada status hadis?

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 3.0.1 Mengenal pasti status hadis-hadis berkaitan tarikh berbekam dan alasannya.
- 3.0.2 Mengetahui pengaplikasian ahli terhadap hadis-hadis tentang tarikh berbekam.
- 3.0.3 Menganalisis hubungan antara hadis-hadis tarikh berbekam dengan sains dan kesan-kesannya terhadap status hadis.

4.0 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada tinjauan hadis-hadis berkaitan tarikh berbekam (*wet cupping*) khusus dalam kalendar Islam sahaja. Hal ini kerana tarikh harian pada zaman Nabi SAW menggunakan bulan sebagai objek penentu dan berbeza dengan kalendar Masihi yang ditentukan oleh matahari. Skop pengaplikasian hadis dalam bab ini pula merangkumi amalan dalam kalangan ahli ilmu termasuklah generasi para sahabat RA dan generasi-generasi seterusnya sehinggalah kini bertujuan untuk melihat sejauh mana matannya relevan untuk diaplikasikan. Selain itu, penemuan-penemuan dan pandangan ilmuwan masa kini yang akan dibahaskan dibataskan seputar bidang sains astronomi dan sains perubatan sahaja. Hal ini jelas dilihat daripada hadis-hadis ini yang membicarakan bekam sebagai penawar dan inisiatif kesihatan manusia. Perkara ini pula berkesinambungan dengan tarikh-tarikh tersebut yang harus dipastikan dahulu hubungannya dengan manusia dengan cara mengetahui kepentingan perubahan fasa bulan dalam kalendar Islam.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mana melibatkan dua metode penting, iaitu:

5.0.1 Metode pengumpulan data

Dalam kajian ini, penyelidik tertumpu kepada pengumpulan data-data sekunder menggunakan metode kajian kepustakaan. Keseluruhan dokumen seperti kitab-kitab hadis dan kitab syarah hadis sebagai rujukan utama, jurnal, buku akademik dan laporan penyelidikan digunakan

sepenuhnya dalam metode kepustakaan ini. Sebahagian daripada sumber-sumber ini adalah berbentuk *Portable Document Format* (PDF) yang diperolehi melalui media elektronik. Penyelidik juga menggunakan *digital library* seperti *Maktabat al-Waqfiyyah* dan *Maktabat al-Shāmilah* dalam merujuk kitab-kitab berbahasa arab.

5.0.2 Metode analisis data

Bermula dengan analisis tematik, penyelidik mengumpulkan dan menyusun semula hadis-hadis berkenaan tarikh berbekam daripada pelbagai kitab hadis secara tema sebelum dianalisis secara tekstual dan komparatif. Sanad-sanad hadis, keadaan para perawi, pandangan para ulama serta pengaplikasiannya terhadap hadis-hadis berkenaan dianalisis secara detil menggunakan metode tekstual. Analisis komparatif kemudian diaplikasikan untuk melihat sejauh mana kesinambungan antara hadis-hadis tersebut dengan sains.

6.0 HADIS-HADIS BERKENAAN TARIKH BERBEKAM

6.0.1 Hadis daripada Abū Hurayrah RA (Abū Dāwud, 1430: 3861)

حَدَّثَنَا أَبُو تَوْبَةَ الرَّيِّعِيُّ بْنُ نَافِعٍ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْجُمَحِيُّ عَنْ سُهَيْلٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ احْتَجَمَ لِسَبْعِ عَشْرَةَ وَتِسْعِ عَشْرَةَ وَإِحْدَى وَعِشْرِينَ كَانَ شِفَاءً مِنْ كُلِّ دَاءٍ.

Daripada Abū Hurayrah RA berkata Rasulullah SAW bersabda: “Barangsiapa berbekam pada tanggal 17, 19 dan 21, maka bekam tersebut menjadi ubat daripada segala penyakit” (H.R. Abū Dāwud).

Analisis sanad:

Abū Tawbah al-Rabī' → Sa'īd bin 'Abd al-Raḥmān al-Jumaḥī → Suḥayl bin Abū Ṣāliḥ → ayahnya (Abū Ṣāliḥ) → Abū Hurayrah RA → Rasulullah SAW

Hadis ini diperdebatkan ke-*ṣaḥīḥ*-annya kerana Sa'īd bin 'Abd al-Raḥmān al-Jumaḥī dikatakan bermasalah dari segi hafalannya. Adapun, ketika kekuatan hafalan Sa'īd diperbincangkan, majoriti ahli hadis meyakini ke-*ḍabiṭ*-annya, sedangkan sebahagian yang lain tidak bersepakat. Walaupun begitu, mereka memberikan toleransi yang baik terhadap hafalan dan periwayatan-periwayatannya (Al-Mubārakfūrī, 2010). Selain itu, al-Ḥāfiz menyatakan dalam kitab *al-Taqrīb* bahawa ke-*ṣadūq*-annya diragukan. Malah, Ibn Ḥibbān men-*ḍa'īf*-kannya dengan *ḍa'īf* yang berat (Al-Bayhaqī, t.t.). Bahkan, al-Sājī menyatakan bahawa riwayat hadis ini daripada Suḥayl dan Hishām ini tiada *mutāba'āt* yang dapat menyokongnya disebabkan oleh kecacatan yang ada pada Sa'īd al-Jamḥī (Al-Tirmidhī, 2007). Namun, riwayatnya dinyatakan bertepatan dengan syarat *ṣaḥīḥ* al-Bukhārī dan Muslim dan di-*ṣaḥīḥ*-kan pula oleh al-Ḥākim (Al-Mubārakfūrī, 2010).

6.0.2 Hadis daripada Anas bin Mālik RA (Al-Tirmidhi, 1996: 2051)

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَاصِمٍ حَدَّثَنَا هَمَّامٌ وَجَرِيرٌ بْنُ حَازِمٍ قَالَا حَدَّثَنَا قَتَادَةُ عَنْ أَنَسٍ قَالَ
كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْتَجِمُ فِي الْأَخْدَعَيْنِ وَالْكَاهِلِ وَكَانَ يَخْتَجِمُ
لِسَبْعِ عَشْرَةَ وَتِسْعَ عَشْرَةَ وَإِحْدَى وَعِشْرِينَ.

Daripada Anas RA berkata; “Rasulullah SAW berbekam pada bahagian belakang kepala Baginda (dua urat di sisi leher) dan di tengkuk dan Baginda berbekam pada tanggal 17, 19 atau 21” (H.R. *al-Tirmidhī*).

Analisis sanad:

- i. 'Amrū Ibn 'Āṣim → **Hammām** dan **Jarīr bin Ḥāzim** → Qatādah → Anas RA → Rasulullah SAW
- ii. Ibn Sa'd → 'Affān bin Muslim → **Hammām** → Qatādah → Anas RA → Rasulullah SAW

Pernyataan bahawa Hammām tidak meriwayatkan hadis ini telah menjadikan status hadis ini melalui jalur sanad kedua (ii) bersifat mursal secara total. Adapun, berbabas mengenai jalur sanad pertama (i), ianya diragukan kerana ‘Amrū bin ‘Āṣim telah tersilap dalam meriwayatkan hadis ini apabila mendahulukan riwayat Hammām (yang tidak pernah meriwayatkan hadis ini) daripada riwayat Jarīr bin Ḥāzim. Terdapat juga riwayat ahli-ahli hadis lain daripada Jarīr sahaja yang boleh menyokong riwayat ‘Amrū, tetapi kesemua mereka hanya meriwayatkan separuh matan yang pertama (*H.R. Aḥmad: 3/119 dan 192, Ibn Sa’d: 1/344, Abū Dāwūd: 3860, al-Ṭayālīsī: 2106, Ibn Mājah: 3483, Ibn Ḥibbān: 6077, Abū Ya’lā: 3048 dan al-Bayhaqī: 9/340*). Perkara yang demikian menimbulkan keraguan pada matan hadis.

Melihat perkara ini, ‘Amrū yang dibuktikan sebagai *ṣadūq* menunjukkan bahawa Jarīr *da’if* dari sudut hafalan ketika menerima hadis daripada Qatādah. Malah, Aḥmad berkata, “Beliau (Jarīr) menceritakan sesuatu yang waham daripada Qatādah dan sanadnya batil” (Al-Tirmidhī, 2007). Namun, sebaliknya apabila ‘Abdullah bin Aḥmad mengatakan bahawa hadis Jarīr daripada Qatādah adalah *munkar*, Yaḥyā bin Ma’in menyangkal dengan berkata, “Tiada sesuatu pun yang *da’if* daripada Qatādah”. Bahkan, beliau menyatakan hadis tersebut sebagai *laysa bihi ba’sa* (Al-Ḥanbalī, 1987) Demikianlah al-Tirmidhī mengatakan hadis ini adalah hadis *ḥasan gharīb*.

6.0.3 Hadis daripada Ibn ‘Abbās RA (Al-Tirmidhī, 1996: 2053)

حَدَّثَنَا عَبْدُ بْنُ حُمَيْدٍ أَخْبَرَنَا النَّضْرُ بْنُ شُمَيْلٍ حَدَّثَنَا عَبَّادُ بْنُ مَنْصُورٍ قَالَ سَمِعْتُ عِكْرِمَةَ يَقُولُ، قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ قَالَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نِعَمَ الْعَبْدُ الْحَجَّامُ يُذْهِبُ الدَّمَ وَيُخْفُ الصُّلْبَ وَيَجْلُو عَنِ الْبَصْرِ وَقَالَ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ عُرِجَ بِهِ مَرَّ عَلَى مَلَأٍ مِنَ الْمَلَائِكَةِ إِلَّا قَالُوا عَلَيْكَ بِالْحِجَامَةِ وَقَالَ إِنَّ خَيْرَ مَا تَحْتَجِمُونَ فِيهِ يَوْمَ سَبْعِ عَشْرَةَ وَيَوْمَ تِسْعِ عَشْرَةَ وَيَوْمَ إِحْدَى وَعِشْرِينَ... إلخ

Daripada Ibn ‘Abbās RA berkata, Nabi SAW bersabda: “Sebaik-baik hamba adalah tukang bekam yang membuang darah, meringankan tulang punggung, dan mempertajam pandangan.” Beliau berkata sesungguhnya ketika Rasulullah SAW mikraj (diangkat oleh Allah ke langit), tidaklah Baginda melewati para malaikat kecuali mereka berkata, “Hendaklah kamu berbekam”. Dan Baginda bersabda, “Sesungguhnya hari yang baik untuk berbekam adalah pada hari ketujuh belas, kesembilan belas dan kedua puluh satu...” (H.R. *al-Tirmidhī*).

Analisi sanad:

‘Abd bin Ḥumayd → Al-Naḍr bin Shumayl → ‘Abbād bin Manṣūr → ‘Ikrimah → Ibn ‘Abbās RA → Rasulullah SAW

Al-Tirmidhī menyatakan hadis ini berstatus *ḥasan gharīb* dan pernyataan itu disokong oleh al-Mundhīr (Al-Mubārakfūrī, 2010). Sebaliknya, al-Dhahabī menolak dan mengatakan bahawa status hadis ini bukan *ḥasan gharīb* (Al-Ṭabarī, t.t.). Hal ini kerana para perawi hadis Ibn ‘Abbās yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhī ini merupakan perawi-perawi yang *thiqah*, tetapi terdapat perawi yang mempunyai ‘*illat*’ (Al-Mubārakfūrī, 2010). Misalnya, ‘Abbād bin Manṣūr telah meriwayatkan hadis ini secara bersendirian. “Beliau merupakan perawi *mudallas* yang kemudian telah berubah pada akhir hayatnya dan menjadi perawi yang *ṣadūq*”, demikian pernyataan diberikan oleh al-Dhahabī mengenainya. Oleh hal demikian, hadis ini ditolak secara jelas oleh al-Dhahabī akan kesahihan sanadnya. Namun, al-Bayhaqī mengatakan bahawa ia boleh dijadikan sebagai *shawāhid* (Al-Bayhaqī, t.t.).

6.0.4 Hadis daripada Anas bin Mālik RA (Ibn Mājah, 3486 : 3477)

حَدَّثَنَا سُؤَيْدُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ مَطَرٍ عَنْ زَكْرِيَّا بْنِ مَيْسَرَةَ عَنِ النَّهَّاسِ بْنِ قَهْمٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَرَادَ الْحِجَامَةَ فَلْيَتَحَرَّرْ سَبْعَةَ عَشَرَ أَوْ تِسْعَةَ عَشَرَ أَوْ إِحْدَى وَعِشْرِينَ وَلَا يَتَّبِعْ بِأَحَدِكُمْ الدَّمَ فَيَقْتُلَهُ

Daripada Anas bin Mālik RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Barangsiapa ingin berbekam, maka pilihlah tanggal 17, 19 atau 21 dan janganlah salah seorang daripada kalian mengeluarkan darah yang banyak hingga dapat membunuh” (H.R. *Ibn Mājah*).

Analisis sanad:

Suwayd bin Sa'īd → 'Uthmān bin Maṭar → Zakariyyā bin Maysarah →
Al-Nahhās bin Qahm → Anas bin Malik RA → Rasulullah SAW

Hadis ini berstatus *da'if* dan terdapat perawi yang *da'if* dalam periwayatannya, iaitu al-Nahhās. Demikian juga Al-Būṣīrī menyebutkan hal yang sama tentang keadaan al-Nahhās dalam kitabnya, *Miṣbāh al-Zujājah* (Al-'Asqalānī, 1419). Aḥmad al-Shihāt al-Sakandarī telah menyebutkan *hadhā isnād wāhin bi marrat* kerana al-Nahhās bin Qahm sebenarnya adalah Abū al-Khaṭṭāb al-Baṣrī al-Qas. Selain itu, Yaḥyā ada mengatakan, "*Laysa bi shay'in da'ifin.*" Ibn Ḥibbān pula berkata: "Sesungguhnya al-Nahhās telah meriwayatkan hadis-hadis *munkar* daripada perawi-perawi yang masyhur yang berbeza dengan periwayatan perawi-perawi yang *thiqah* dan tidak harus dijadikan hujah." Hal ini dibuktikan oleh Yaḥyā bahawa al-Nahhās pernah meriwayatkan sesuatu yang *munkar* daripada 'Aṭā' daripada Ibn 'Abbās. Oleh hal demikian, Ibn 'Adī menyimpulkan bahawa hadis tersebut *lā yusāwī shay'an*.

Adapun, perawi 'Uthmān bin Maṭar al-Shaybānī al-Baṣrī juga dinyatakan *da'if*, sepertimana pernyataan Ibn Ḥibbān bahawa 'Uthmān meriwayatkan hadis *mawḍū'*, yang mana tidak layak untuk dijadikan hujah (Al-Sakandarī, 2011). Malah, Al-Dāruqūṭnī berkata: "Al-Nahhās adalah perawi *muḍṭarib al-ḥadīth* yang sesungguhnya telah ditinggalkan oleh Yahya al-Qaṭṭān." Abū Ḥātim pula apabila ditanya mengenai hadis 'Uthman, beliau berkata: "Hadis *da'if* lagi *munkar* yang menyerupai hadis Yūsuf Ibn 'Aṭīyah".

6.0.5 Hadis daripada Ma'qil bin Yasār RA (Al-Ṭabrānī, t.t: 499)

حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ ثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يُونُسَ ثَنَا سَلَامُ بْنُ سُلَيْمٍ عَنْ زَيْدِ الْعَمِّيِّ عَنْ
 مُعَاوِيَةَ بْنِ قُرَّةَ عَنْ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ. قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:
 الْحِجَامَةُ يَوْمَ الثَّلَاثَاءِ لِسَبْعِ عَشْرَةَ مِنَ الشَّهْرِ دَوَاءٌ لِدَاءِ السُّنَّةِ.

Daripada Ma'qil bin Yasār RA berkata: Rasulullah SAW telah bersabda, “Berbekam pada hari Selasa pada tanggal 17 hari bulan adalah pengubatan yang disunatkan” (H.R. *al-Ṭabrānī*).

Analisis sanad:

‘Alī bin ‘Abd al-‘Azīz → Aḥmad bin Yūnus → **Salām bin Sulaym al-Tamīmī**
 → **Zayd bin al-‘Ammī** → Mu’āwiyah bin Qurrah → Ma’qil bin Yasār RA
 → Rasulullah SAW

Hadis ini juga direkodkan oleh al-Bayhaqī dalam *al-Kubrā* (no. 340/9), al-Khaṭīb dalam *al-Muwadaḥ li Awhām al-Jam’ wa al-Tafriq* (no. 146/2) dan Ibn al-Jawzī dalam *al-Mawḍū’āt* (no. 214/3) melalui jalur sanad yang sama sebagaimana periwayatan al-Ṭabrānī. Menurut Ibn al-Jawzī, Salām al-Tamīmī adalah antara perawi yang *ḍa’if* dalam jalur sanad hadis ini, sepertimana gelaran Yahyā terhadapnya dengan *laysa bi shay’*. Bahkan, al-Bukhārī berkata: “Hadis ini *matrūk*” (Al-Jawziyyah, 2012). Di samping itu, ucapan al-Sakandarī, “Salām bin Sulaym dan Zayd bin al-Ḥawārī al-‘Ammī secara umumnya tidak meriwayatkan hadis ini dan hadis kedua-duanya tidak boleh dijadikan *mutāba’āt*” telah mengukuhkan pandangan beliau tentang status hadis tersebut yang *mawḍū’* (Al-Sakandarī, 2011).

Selain itu, al-Haythamī juga turut menyokong pandangan yang mengatakan bahawa Zayd adalah perawi yang *ḍa’if*. Sebuah petikan penting dalam kitab *Nayl al-Awṭār Sharḥ min Asrār Muntaqā al-Akhbār* turut menampilkan bahawa al-Tirmidhī juga menyebutkan hadis Ma’qil bin Yasār dalam kitab *al-Jāmi’*, yang mana di-*ḍa’if*-kan olehnya. Tetapi, beliau mengambilnya sebagai salah satu *shawāhid* bagi hadis berkenaan tarikh berbekam yang diriwayatkannya (H.R. *al-Tirmidhī: 2051 dan 2053*) (Al-Shawkānī, 1427).

6.0.6 Hadis daripada Anas bin Mālik RA (Al-Bayhaqī, 1424: 19538)

ثَنَا أَحْمَدُ بْنُ يَحْيَى الْحِلَوَانِيُّ ثَنَا أَبُو مَعْمَرٍ ثَنَا هَشِيمٌ عَنْ زَيْدِ الْعَمِّيِّ عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ قُرَّةٍ
عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ احْتَجَمَ يَوْمَ الثَّلَاثَاءِ لِسَبْعِ عَشْرَةَ
خَلَّتْ مِنَ الشَّهْرِ، أَخْرَجَ اللَّهُ مِنْهُ دَاءً سَنَةً.

Daripada Anas bin Mālik RA, daripada Nabi SAW bersabda: “Barangsiapa berbekam pada hari selasa pada pada tanggal 17, Allah akan keluarkan penyakit sepanjang tahun daripadanya” (H.R. *al-Bayhaqī*).

Analisis sanad:

Aḥmad bin Yaḥyā al-Ḥilwānī → Abū Ma'mar → Hashīm → **Zayd bin al-‘Ammī** → Mu'āwiyah bin Qurrah → Anas bin Mālik RA → Rasulullah SAW

Hadis ini telah direkodkan sebagai salah satu hadis *mawḍū'* yang dimasukkan ke dalam kitab *al-Mawḍū'āt* milik Ibn al-Jawzī (215/3) (Al-Jawziyyah, 2012). Mempunyai kecacatan yang sama sepertimana hadis Ma'qil bin Yasār, Zayd bin al-‘Ammī dipercayai telah memalsukan hadis ini (H.R. *al-Ṭabrānī*: 499). Bahkan, ke-*da'if*-an Zayd dan perilakunya memalsukan hadis-hadis Nabi SAW disepakati oleh majoriti para ahli hadis termasuklah Ibn Ḥibbān dan Ibn al-Jawzī. Oleh itu, hadis ini dapat dipastikan berstatus *da'if* yang berat dan tidak harus dijadikan hujah. Hal demikian bertepatan dengan nukilan Ibn Ḥibbān dalam kitab *al-Majrūhīn*:

((زَيْدُ الْعَمِّيِّ هُوَ زَيْدُ بْنُ الْحَوَارِيِّ أَبُو الْحَوَارِيِّ. يَرْوِي عَنْ أَنَسٍ أَشْيَاءَ مَوْضُوعَةً لَا أَصَلَ لَهَا، حَتَّى سَبَقَ إِلَى الْقَلْبِ أَنَّهُ الْمُتَعَمَّدُ لَهَا، وَكَانَ يَحْتَجُّ بِمَرَضِ الْقَوْلِ فِيهِ، وَهُوَ عِنْدِي لَا يَجُوزُ الْإِحْتِجَاجُ بِخَبْرِهِ، وَلَا كِتَابَةُ حَدِيثِهِ إِلَّا لِلْإِعْتِبَارِ))

“Zayd al-‘Ammī adalah Zayd bin al-Ḥawārī Abū al-Ḥawārī. Beliau meriwayatkan perkara-perkara yang palsu daripada Anas yang tiada asal padanya, yang mana perkara ini disengajakan oleh hati. Yaḥyā pula menolak hadis-hadis yang terdapat Zayd padanya (sanad) dan pada pandanganku, tidak harus berhujah dan tidak pula harus menulis hadisnya melainkan untuk dijadikan *i’tibār*” (Ḥibbān, 2000).

6.0.7 Hadis daripada Ibn ‘Abbās RA (Ibn al-Jawzī, 1418: 1731)

حَدَّثَنَا شَيْبَانُ بْنُ فُرُوخٍ حَدَّثَنَا نَافِعُ أَبُو هُرْمُزٍ عَنْ عَطَاءِ بْنِ أَبِي رَبَاحٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ
قَالَ: دَخَلْتُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَهُوَ يَحْتَجِمُ يَوْمَ الثَّلَاثَاءِ، فَقُلْتُ:
هَذَا الْيَوْمَ تَحْتَجِمُ؟ ، قَالَ: نَعَمْ، وَمَنْ وَافَقَ مِنْكُمْ يَوْمَ الثَّلَاثَاءِ لَيْلَةَ سَبْعِ عَشْرَةَ مَضَتْ
مِنَ الشَّهْرِ، فَلَا يُجَاوِزُهُ حَتَّى يَحْتَجِمَ.

Daripada Ibn ‘Abbās RA berkata: “Aku mendatangi Rasulullah SAW dan Baginda yang sedang berbekam pada hari Selasa. Maka aku berkata: “Hari ini Baginda berbekam?” Rasulullah SAW menjawab: “Ya, dan barangsiapa dalam kalangan kamu mendapatkan hari Selasa tanggal 17, maka janganlah dia lewati hari itu sehingga dia berbekam”” (H.R. Ibn al-Jawzī).

Analisis sanad:

Shaybān bin Furūkh → Nāfi’ Abū Hurmuz → ‘Aṭā’ bin Abū Rabāḥ → Ibn
Abbās RA → Rasulullah SAW

Kedudukan hadis ini adalah *mawḍū’* (Al-Sakandarī, 2011). Hal ini diperkuat apabila Ibn al-Jawzī merekodkannya dalam *al-Mawḍū’āt* dan diriwayatkan pula dalam kitab *al-Majrūḥīn* serta kitab *al-Kabīr* oleh al-Ṭabranī. Di samping itu, al-Dhahabī menerangkan bahawa hadis ini *matrūk* (Al-Dhahabī, 2009). Demikian juga pendapat al-Dāruqṭnī. Menurut Ibn al-Jawzī, Nāfi’ Abū Huzmur adalah perawi yang *ḍa’īf*. Mempunyai pendapat yang berbeza, Yaḥyā menyatakannya sebagai *laysa bi shay’in kadhdhāb*. Al-Nasā’ī pula berkata bahawa beliau bukan seorang yang *thiqah* (Al-Jawziah, 2012). Lantaran itu, kebanyakan perkataan para ahli hadis tersebut telah membuktikan bahawa hadis ini benar-benar berstatus *mawḍū’*. Hal ini dapat dilihat secara langsung daripada petikan Ibn Ḥibbān:

((... كَانَ مِمَّنْ يَرُوي عَنْ أَنَسٍ مَا لَيْسَ مِنْ حَدِيثِهِ كَأَنَّهُ أَنَسٍ آخَرَ، وَلَا أَعْلَمُ لَهُ سِمَاعاً
لَا يَجُوزُ الإِحْتِجَاحُ بِهِ وَلَا كِتَابَةُ حَدِيثِهِ إِلاَّ عَلَى سَبِيلِ الإِعْتِبَارِ، رَوَى عَنْ عَطَاءٍ عَنْ
ابْنِ عَبَّاسٍ وَعَائِشَةَ نَسَخَةَ مَوْضُوعَةً))

“Beliau (Nāfi’) meriwayatkan daripada Anas hadis yang bukan miliknya, seolah-olah Anas (tempat beliau menerima hadis) adalah Anas yang lain dan aku tidak mengetahui jika ada berlakunya *simā’*. Tidak harus berhujah dan tidak pula harus menulis hadisnya kecuali untuk dijadikan *i’tibār*. Beliau juga meriwayatkan hadis-hadis palsu daripada ‘Aṭā’ daripada Ibn ‘Abbās dan ‘Ā’ishah” (Ḥibbān, 2000).

7.0 TINJAUAN STATUS HADIS DAN PENGAPLIKASIANNYA

7.0.1 Analisis status hadis

Secara umumnya, kesemua hadis bab tarikh berbekam ini mempunyai kekurangan pada sanadnya, di mana terdapat perawi-perawi yang dikritik dari segi ke-*ḍabit*-an dan ke-*thiqah*-an. Adapun begitu, riwayat Abū Dāwud merupakan hadis yang tidak diberikan ulasan olehnya (*sakata ‘anhu*) dan digolongkan dalam hadis *‘alā sharṭ al-ṣiḥḥah*, iaitu memenuhi syarat hadis *ṣaḥīḥ* al-Bukhārī dan Muslim (*H.R. Abū Dāwud: 3861*). Selain itu, al-Tirmidhī menyatakan bahawa kedua-dua riwayatnya berstatus *ḥasan gharīb* walaupun diriwayatkan secara bersendirian oleh perawi yang dikritik. Namun, kebanyakan ahli hadis menyatakan bahawa status hadis dalam riwayat pertama dengan jalur sanad pertama adalah *mursal*, sedangkan jalur kedua dinyatakan *munkar* (*H.R. al-Tirmidhī: 2051*). Adapun, riwayat al-Tirmidhī yang kedua berdepan dengan masalah *tadlīs al-rāwī* (*H.R. al-Tirmidhī: 2053*).

Di samping itu, riwayat Ibn Mājah jelas *ḍa’īf* kerana sebahagian ahli hadis me-*munkar*-kannya dan sebahagian yang lain me-*mawḍū’*-kannya berdasarkan keadaan dua orang perawi yang *ḍa’īf* dalam jalur sanad (*H.R. Ibn Mājah: 3477*). Keempat-empat riwayat di atas menerangkan bahawa tarikh yang terlibat adalah 17, 19 dan 21 hari bulan. Tiga hadis yang lain pula tertumpu kepada tanggal 17 yang bersamaan dengan hari Selasa. Antaranya, riwayat al-Ṭabrānī dinyatakan *ḍa’īf matrūk* oleh al-Bukhārī dan *mawḍū’* oleh sebahagian ahli hadis yang lain (*H.R. al-Ṭabrānī: 499*). Hadis daripada al-Bayhaqī pula disepakati oleh

para ahli hadis akan statusnya yang *mawḍū'* (H.R. *al-Bayhaqī: 19538*). Demikian juga riwayat Ibn al-Jawzī yang jelas ke-*ḍa'if*-annya melihat kepada salah seorang perawinya yang dituduh sebagai pemalsu hadis (H.R. *Ibn al-Jawzī: 1731*).

Kesimpulannya, majoriti hadis dalam bab ini berstatus *ḍa'if* secara pasti. Manakala, status *ṣahīḥ* dan *ḥasan gharīb* pada sebahagian hadis pula tidak sepenuhnya disepakati oleh ijmak para ahli hadis. Bahkan, salah satu riwayatnya berstatus *mawḍū'* di sisi sebahagian ahli hadis, sedangkan dua buah riwayat yang lain dihukumkan *mawḍū'* secara total. Adapun begitu, jika dilihat kepada kata-kata Ibn Ḥibbān pada subtopik 6.0.6 dan 6.0.7, maka hadis-hadis *mawḍū'* ini boleh dijadikan *i'tibār* kepada hadis-hadis yang lebih ringan ke-*ḍa'if*-annya (Ḥibbān, 2000).

7.0.2 Pengaplikasian hadis dalam kalangan ahli ilmu

Majoriti hadis-hadis tersebut telah memaparkan tiga buah tarikh yang terbaik untuk menjalani proses bekam, iaitu tanggal 17, 19 dan 21 berdasarkan kalendar Islam. Dalam hal ini, para sahabat RA pastilah menjadi orang pertama yang mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW, sama ada melalui kata-kata Baginda yang didengari atau dengan melihat perlakuan Baginda SAW. Antara pembuktian yang dapat dilihat adalah melalui riwayat al-Ṭabarī daripada Muḥammad bin Bashār daripada Abū Dāwūd daripada Hisyām daripada Qatādah daripada Anas bin Mālik RA yang telah berkata: “Dahulu para sahabat Nabi SAW berbekam pada tarikh-tarikh ganjil dalam sebulan” (H.R. *al-Ṭabarī: 2856*). Bahkan, sanad ini dinyatakan *ṣahīḥ* dan menjadi penyokong atas kesahihan intipati hadis-hadis tarikh berbekam ini (Al-Islām Su'āl wa Jawāb, 2009).

Selain itu, al-Ṭabarī juga telah menyebutkan bahawa Rufay' Abū al-Āliyyah¹ berkata, “Mereka (para sahabat RA) suka berbekam di hari-hari ganjil pada setiap bulan”. Riwayat demikian juga dikuatkan dengan kata-kata Abū Zur'ah: Riwayat yang paling baik

¹ Rufay' bin Mihrān, digelar sebagai Abū al-Āliyyah al-Baṣrī al-Riyāḥī. Beliau merupakan *mawlā* kepada seorang wanita bani Riyah dan bani Tamim dan memeluk Islam ketika zaman pemerintahan khalifah Abū Bakar al-Ṣiddīq.

dalam hal ini adalah hadis Anas, “Dahulu para sahabat Nabi SAW berbekam pada tarikh 17, 19 dan 21” (Al-Rāzī, 2009) (Al-Munajjid, 2016). Di samping itu, Ibn ‘Awn² pernah mengatakan, “Dahulu sebahagian sahabat Baginda SAW meninggalkan wasiat untuk berbekam pada tarikh 17 dan 19 hari bulan.” Dalam riwayat yang lain daripada Ahmad daripada Sulaym daripada Hishām daripada Muḥammad pula, Muḥammad menambahkan inti patinya sebagai berikut, “...dan (tanggal) 21” (Al-Munajjid, 2016). Walaupun terdapat riwayat-riwayat di atas yang tidak menyebutkan tarikh secara spesifik, namun matan ‘*tarikh-tarikh ganjil*’ tidak bercanggah dengan hadis berbekam pada tarikh 17, 19 dan 21 hari bulan.

Terdapat juga ahli ilmu yang mengambil keputusan untuk meninggalkan keraguan pada hadis kerana tidak mahu memberatkan atau meringankan dalam hal memberi hukum terhadap hadis-hadis bab ini. Misalnya, Ḥanbal bin Ishāq berkata: “Ahmad telah berbekam pada bila-bila masa yang dirasakan perlu dan ingin untuk berbekam” (Al-Mubārakfūrī, 2010). Bahkan, Nabi SAW tidak pula melarang berbekam pada waktu-waktu yang lain seandainya ia diperlukan dengan segera, sepertimana riwayat Ahmad daripada Ibn ‘Abbās RA ketika Zaynab bin Ḥārith menjamu Rasulullah SAW dan para sahabat RA seekor kambing panggang yang diletakkan racun padanya. Setelah menyedarinya, Baginda SAW menyuruh para sahabat berhenti memakannya dan segera berbekam (Al-Damshiqī, t.t.) Namun, hadis-hadis tarikh berbekam tetap dianjurkan dan diamalkan juga oleh Ibn Sina dan dinyatakan kelebihanannya dalam kitab Ibn Qayyim (Al-Jawziyyah, 2003).

Walaupun begitu, norma-norma kehidupan dan kebiasaan para sahabat RA adalah bersandar pada perbuatan Nabi SAW. Maka, secara langsung sebahagian besar hadis-hadis dalam bab ini juga pada asalnya adalah hadis yang *marfū’* (riwayat para sahabat bersambung kepada Rasulullah SAW secara jelas dan tidak terputus). “Sesungguhnya, para sahabat kesemuanya bersifat adil dan tidak melakukan fitnah”, kata Muḥammad bin ‘Alī yang menguatkan lagi status asal hadis-hadis ini (Al-Walluwiyy, 1993). Malahan, sebahagian ahli hadis turut menekankan bahawa terdapat hadis *marfū’* dalam bab ini seperti periwayatan al-Tirmidhī daripada Anas bin Mālik RA (*H.R. al-Tirmidhī: 2051*). Demikianlah juga

² ‘Abdullah bin ‘Awn, digelar Ibn Arṭabān. Merupakan seorang tabiin yang masyhur yang lahir pada tahun 66H.

amalan al-Suyūṭī yang dinyatakan dalam *al-Hāwī li al-Fatāwā* dan Ibn Ḥajar al-Haythamī yang berpegang dengan pendapat yang sama dalam kitab fatwanya (Al-Munajjid, 2016).

Justeru itu, hadis-hadis tarikh berbekam ini adalah diamalkan oleh para sahabat RA yang kemudian diwariskan kepada para tabiin dan tabi tabiin. Hal ini membuktikan hadis-hadis ini bukanlah hadis yang ditinggalkan atau harus ditinggalkan. Bahkan, pengaplikasian dalam kalangan ahli 'udūl ini membuktikan bahawa status sebahagian hadis-hadis ini lebih daripada sekadar *ḍa'īf*. Demikianlah, pengaplikasian hadis berbekam pada tarikh-tarikh tertentu ini masih wujud dan berlangsung sehingga kini oleh sebahagian pakar perubatan dan bahkan dikaji secara terperinci akan alasan dan sebab tarikh-tarikh tersebut menjadi pilihan Rasulullah SAW.

8.0 ANALISIS INTIPATI HADIS BERDASARKAN SAINS

Tarikh adalah sesuatu yang ditentukan oleh objek astronomi seperti bulan atau matahari. Berbicara tentang tarikh-tarikh berbekam yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW, perbincangan ini tertumpu kepada kalendar Islam atau kalendar Lunar sahaja. Kalendar Islam ini berfungsi menjelaskan sistem perubahan fasa bulan yang menjadi penentu tarikh harian. Hal ini berbeza dengan kalendar Masihi atau kalendar Julian yang berpandukan matahari semata-mata dalam penentuan tahun (JAKIM, t.t.). Hakikatnya, kitaran bulan mempengaruhi keadaan tubuh badan, sama ada dari segi fizikal atau pun mental (Christensen, 2015). Berfokus kepada penentuan tarikh menerusi kalendar Islam, bulan terbahagi kepada empat fasa; fasa anak bulan (*new moon*), suku bulan pertama (*first quarter*), bulan penuh (*full moon*) dan suku bulan ketiga (*third quarter*). Tarikh 17, 19 dan 21 hari bulan ini kebiasaannya bermula pada hari keempat atau hari kelima dalam fasa bulan penuh dan memasuki fasa suku bulan ketiga pada sesetengah bulan Hijrah (Time and Date AS, t.t.).

TARIKH	JAN		FEB		MAC		APR		MEI		JUN		JUL		OGS		SEP		OKT		NOV		DIS	
	JAW		JAK		REJ		SYB		RAM		SYA		ZKH		ZHJ		MUH		SAF		RAW		RAK	
	1441		1441		1441		1441		1441		1441		1441		1441		1442		1442		1442		1442	
1	5	R	7	S	6	A	7	R	8	J	9	I	9	R	11	S	13	T	13	K	15	A	15	T
2	6	K	8	A	7	I	8	K	9	S	10	T	10	K	12	A	14	R	14	J	16	I	16	R
3	7	J	9	I	8	T	9	J	10	A	11	R	11	J	13	I	15	K	15	S	17	T	17	K
4	8	S	10	T	9	R	10	S	11	I	12	K	12	S	14	T	16	J	16	A	18	R	18	J
5	9	A	11	R	10	K	11	A	12	T	13	J	13	A	15	R	17	S	17	I	19	K	19	S
6	10	I	12	K	11	J	12	I	13	R	14	S	14	I	16	K	18	A	18	T	20	J	20	A
7	11	T	13	J	12	S	13	T	14	K	15	A	15	T	17	J	19	I	19	R	21	S	21	I
8	12	R	14	S	13	A	14	R	15	J	16	I	16	R	18	S	20	T	20	K	22	A	22	T
9	13	K	15	A	14	I	15	K	16	S	17	T	17	K	19	A	21	R	21	J	23	I	23	R
10	14	J	16	I	15	T	16	J	17	A	18	R	18	J	20	I	22	K	22	S	24	T	24	K
11	15	S	17	T	16	R	17	S	18	I	19	K	19	S	21	T	23	J	23	A	25	R	25	J
12	16	A	18	R	17	K	18	A	19	T	20	J	20	A	22	R	24	S	24	I	26	K	26	S
13	17	I	19	K	18	J	19	I	20	R	21	S	21	I	23	K	25	A	25	T	27	J	27	A
14	18	T	20	J	19	S	20	T	21	K	22	A	22	T	24	J	26	I	26	R	28	S	28	I
15	19	R	21	S	20	A	21	R	22	J	23	I	23	R	25	S	27	T	27	K	29	A	29	T
16	20	K	22	A	21	I	22	K	23	S	24	T	24	K	26	A	28	R	28	J	30	I	JAW	
17	21	J	23	I	22	T	23	J	24	A	25	R	25	J	27	I	29	K	29	S	RAK		2	K
18	22	S	24	T	23	R	24	S	25	I	26	K	26	S	28	T	30	J	RAW		2	R	3	J
19	23	A	25	R	24	K	25	A	26	T	27	J	27	A	29	R	SAF		2	I	3	K	4	S
20	24	I	26	K	25	J	26	I	27	R	28	S	28	I	MUH		2	A	3	T	4	J	5	A
21	25	T	27	J	26	S	27	T	28	K	29	A	29	T	2	J	3	I	4	R	5	S	6	I
22	26	R	28	S	27	A	28	R	29	J	30	I	ZHJ		3	S	4	T	5	K	6	A	7	T
23	27	K	29	A	28	I	29	K	30	S	ZKH		2	K	4	A	5	R	6	J	7	I	8	R
24	28	J	30	I	29	T	RAM		SYW		2	R	3	J	5	I	6	K	7	S	8	T	9	K
25	29	S	REJ		30	R	2	S	2	I	3	K	4	S	6	T	7	J	8	A	9	R	10	J
26	JAK		2	R	SYB		3	A	3	T	4	J	5	A	7	R	8	S	9	I	10	K	11	S
27	2	I	3	K	2	J	4	I	4	R	5	S	6	I	8	K	9	A	10	T	11	J	12	A
28	3	T	4	J	3	S	5	T	5	K	6	A	7	T	9	J	10	I	11	R	12	S	13	I
29	4	R	5	S	4	A	6	R	6	J	7	I	8	R	10	S	11	T	12	K	13	A	14	T
30	5	K			5	I	7	K	7	S	8	T	9	K	11	A	12	R	13	J	14	I	15	R
31	6	J			6	T			8	A			10	J	12	I			14	S			16	K
	JAK		REJ		SYB		RAM		SYW		ZKH		ZHJ		MUH		SAF		RAW		RAK		JAW	
	1441		1441		1441		1441		1441		1441		1441		1442		1442		1442		1442		1442	

Rajah 1: Taqvim 2020 Miladiah/ 1441-1442 Hijrah (JAKIM, t.t.)

2020 Moon Phases Calendar	
Jan	2:☉, 10:☉, 17:☉, 24:☉
Feb	1:☉, 9:☉, 15:☉, 23:☉
Mar	2:☉, 9:☉, 16:☉, 24:☉
Apr	1:☉, 7:☉, 14:☉, 22:☉, 30:☉
May	7:☉, 14:☉, 22:☉, 29:☉
Jun	5:☉, 13:☉, 21:☉, 28:☉
Jul	4:☉, 12:☉, 20:☉, 27:☉
Aug	3:☉, 11:☉, 18:☉, 25:☉
Sep	2:☉, 10:☉, 17:☉, 23:☉
Oct	1:☉, 9:☉, 16:☉, 23:☉, 31:☉
Nov	8:☉, 14:☉, 21:☉, 30:☉
Dec	7:☉, 14:☉, 21:☉, 29:☉

Third Quarter	New Moon	First Quarter	Full Moon
			
13 June 01:23	21 June 01:41	28 June 03:15	4 July 23:44 Buck Moon

Rajah 2: Kalendar fasa bulan 2020 (Time and Date AS, t.t.)

Sebagai contoh, jika dilihat kepada rajah 2, fasa suku bulan pertama bulan April bermula pada tanggal 1, di mana jika diperhatikan pada rajah 1, 1 April adalah bersamaan 7 Syaaban. Manakala, fasa bulan penuh adalah pada tarikh 7 April bersamaan 13 Syaaban, sedangkan fasa suku bulan ketiga adalah bermula pada 14 April atau pun 20 Syaaban. 22 April pula bermula fasa anak bulan, yang mana bersamaan 28 Syaaban. Melalui pemerhatian yang diteliti, tarikh 17 dan 19 Syaaban berada dalam fasa bulan penuh, manakala 21 hari bulan berada pada awal fasa suku bulan ketiga. Perkara ini juga berlaku pada bulan-bulan yang lain dalam kalendar Islam dan tidak jauh berbeza. Oleh itu, posisi 17, 19, dan 21 hari bulan ini boleh disimpulkan dalam dua bentuk; 1) berada dalam tempoh fasa bulan penuh dan memasuki awal fasa suku bulan ketiga dan 2) terletak dalam separuh bulan kedua.

Adapun, kajian yang pertama ini mengkaji kadar degupan jantung dan kadar tekanan darah mengikut perubahan fasa bulan. Hasil kajian membuktikan bahawa tekanan darah dan kadar degupan jantung pada fasa anak bulan dan bulan penuh adalah lebih rendah berbanding pada fasa suku bulan pertama dan ketiga. Bahkan, degupan jantung lebih cepat stabil pada fasa anak bulan dan bulan penuh setelah melalui beberapa ujian. Hal ini kerana tarikan graviti bulan berimpak kepada sistem kardiovaskular dan meningkatkan kecekapan fizikal (Chakraborty & Ghosh, 2013). Selain itu, kajian Ali dan Didem akan keberkesanan bekam terhadap pesakit migrain menyatakan bahawa sampel kajian mengalami serangan migrain yang lebih sedikit apabila berbekam pada separuh bulan kedua berbanding separuh bulan pertama (Benli & Sunay, 2017).

Lebih terperinci, Mohammad Amin menyatakan bahawa tanggal 1 hingga 15 adalah hari bermulanya rangsangan sistem pengaliran darah secara beransur-ansur. Ia mencapai tahap yang tertinggi pada hujung separuh bulan pertama yang mendorong segala toksin dalam saluran darah untuk terlibat sama dalam proses pengaliran darah yang sedang berada di *peak level*. Sekitar hari ke-17 hingga ke-27, sistem pengaliran darah akan mulai membawa toksin tersebut ke bahagian belakang badan yang atas dan pada kawasan bilah bahu. Perlu diberi perhatian, pada 12 hingga 15 hari bulan, sistem pengaliran darah mencapai puncaknya kerana tarikan graviti bulan yang terlalu kuat. Ini menyebabkan bekam tidak sesuai dilakukan kerana boleh menyebabkan kehilangan sel darah baru yang banyak (Sheikho, 2013) (Hijama, t.t.).

Jika diteliti kajian-kajian di atas, kadar degupan jantung sama-sama stabil pada fasa anak bulan dan bulan penuh tidak memberikan hasil yang sama dalam aplikasi bekam. Hal ini kerana pada fasa anak bulan, sistem pengaliran darah berada pada tahap yang rendah dan toksin dalam saluran darah masih belum dibawa keluar dan diproses (Sheikho, 2013). Hal ini jelas berbeza dengan kelebihan proses pengaliran darah pada fasa bulan penuh, tepatnya pada tanggal 17, 19 dan 21. Malahan, darah pada saat itu juga mudah untuk ditarik keluar daripada permukaan kulit kerana tarikan graviti bulan ketika itu tidak terlalu lemah dan tidak terlalu kuat (Sina, t.t.). Oleh hal demikian, keunikan tarikh-tarikh pilihan tersebut terbukti memberikan kesan yang lebih baik dalam proses bekam dan tidak pula memudaratkan.

9.0 KESIMPULAN

Pelbagai komentar dan kritikan dilontarkan oleh ahli-ahli hadis memberi kesan kepada status hadis-hadis berkenaan tarikh berbekam. Status *'alā sharṭ al-ṣiḥḥah* dan *ḥasan gharīb* pada sebahagian hadis tidak dipersetujui secara ijmak dan kebanyakan hadis pula berstatus *ḍa'īf*. Di sisi yang lain, para sahabat RA dan ahli ilmu tidak terlepas daripada mengamalkan intipati hadis-hadis ini secara pasti dengan meyakini kata-kata dan perbuatan ini berasal daripada Rasulullah SAW sendiri. Malah, riwayat tentang aplikasi dalam kalangan sahabat adalah riwayat yang *ṣaḥīḥ*. Tidak lupa juga kajian-kajian para ilmuwan yang bertauliah dalam bidang astronomi dan perubatan telah memaparkan kepastian atas kepentingan penentuan tarikh tertentu dalam menjalani proses bekam.

Kesimpulannya, hadis-hadis tarikh berbekam adalah hadis yang seharusnya diberikan perhatian, sepertimana hadis *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan li dhātihī*. Apalagi, terhadap hadis-hadis yang diaplikasikan dalam kalangan para ahli ilmu dan diiktiraf kebenarannya dalam bidang sains. Bahkan, pembuktian-pembuktian ini melayakkan status *ḍa'īf* sebahagian hadis-hadis tersebut untuk diangkat keraguan dan ke-*ḍa'īf*-annya, sepertimana yang telah di-*ḍa'īf*-kan oleh Ibn Ḥibbān, al-Dhahabī, Abū Ḥātim, Ibn al-Jawzī dan al-Sakandari. Justeru itu, penyelidik berharap agar kajian ini dapat membantu dalam memahami hakikat di sebalik hadis-hadis tarikh berbekam dan menghapuskan keraguan terhadap intipati hadis serta memperkukuhkan lagi kedudukan hadis sebagai sumber kedua agama Islam.

RUJUKAN

- Al-'Asqalānī, A. b. (1419). *Al-Maṭālib al-'Aliyyah bi Zawā'id al-Masānid al-Thamaniyyah*. Riyadh: Dār al-'Āsimah.
- Al-Bayhaqī, A.-H. (t.t.). *Al-Manat al-Kubrā Sharḥ wa Takhrīj al-Sunan al-Sughra*. Riyadh: Maktabat al-Rashd.
- Al-Damshiqī, A. F.-H. (t.t.). *Al-Bidāyat wa al-Nihāyat*. Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ḥanbalī, I. R. (1987). *Sharḥ 'Ilāl al-Tirmidhī*. Jordan: Maktabat al-Manār.
- Al-Hāshimī, S. (1982). *Abū Zur'ah al-Rāzī wa Juhūdhu fi Sunnat al-Nabawiyyah*. Madinah: Al-Maktabat al-'Arabiyyat al-Su'ūdiyyat al-Jāmi'at al-Islāmiyyah.
- Al-Islām Su'āl wa Jawāb. (2009, 1 9). *Ahadith Tawqit al-Hijamah Lam Yasihhu minha Shay'un*. Retrieved 6 7 2020, from Al-Islām Su'āl wa Jawāb: <https://islamqa.info/ar/answers/128170/>
- Al-Jawziyyah, I. Q. (2003). *The Prophetic Medicine*. Mesir: Dar al-Ghadd al-Gadeed.
- Al-Mubārakfūrī, A. a.-'.-R.-R. (2010). *Tuhfatul al-Aḥwādih bi Sharḥ Jāmi al-Tirmidhī*. Dār al-Fikr
- Al-Munajjid, S. M. (2016, 5 6). Retrieved 6 3, 2020, from Pertanyaan dan Jawaban Islam: <https://islamqa.info/id/answers/128170/hadits-penentuan-waktu-berbekam-tidak-ada-yang-shahih>
- Al-Rāzī, A. Z. (2009). *Su'ālat al-Barza'i*. Kaherah: Al-Fāruq al-Hadīthah li al-Ṭabā'at wa al-Nashr.
- Al-Sakandari, A. S. (2011). *Ṭūq al-Ḥamāmah fi al-Tadāwī bi al-Ḥijāmah*. Beirut-Lubnan: Dāru Ibn Ḥazam.
- Al-Shawkānī, M. '. (1427). *Nayl al-Awṭār Sharḥ min Asrār Muntaqā al-Akhhbār*. Arab Saudi: Dār Ibn al-Jawzī.
- Al-Ṭabari, A. J. (t.t.). *Tahzīb al-Athar*. Kaherah: Maṭba'at al-Madani.

- Al-Ṭabarānī, A. Q. (t.t). *Al-Mu'jam al-Kabīr*. Kaherah: Maktabat Ibn Taymiyyah.
- Al-Tirmidhī, A. '. (2007). *Shamā'il al-Nabī Sallallahu 'alayhi wa Sallam*. Oxford: Maṭba'at al-'Imraniyyah li al-Ofsit.
- Al-Walluwiy, M. b.-A. (1993). *Sharḥ Alfiyyat al-Suyūṭī fi al-Hadīth*. Maktabat al-Ghurabā' al-Athariyyah.
- Al-Dhahabī, S. M. (2009). *Takhlīṣ al-Kitāb al-Mawdū'āt li Ibn al-Jawzī*. Riyadh: Maktabat al-Rashd.
- Benli, A., & Sunay, D. (2017). Changing Efficacy of Wet Cupping Therapy in Migraine With Lunar Phase: A Self-Controlled Interventional Study. *Medical Science Monitor: International Medical Journal of Experimental and Clinical Research*, 6162-6167.
- Chakraborty, U., & Ghosh, T. (2013). A Study on the Physical Fitness Index, Heart Rate and Blood Pressure in Different Phases of Lunar Month on Male Human Subjects. *International Journal of Biometeorology*, 769-774.
- Christensen, B. (2015, 4 21). *A Full Moon Might Affect Our Health*. Retrieved 4 4, 2020, from Real Clear Science: https://www.realclearscience.com/articles/2015/04/22/does_a_full_moon_affect_our_health_109188.html
- Clutterbuck, H. (1840). *The Proper Administration of Blood-Letting, for the Prevention and Cure of Disease*. London: t.p.
- Ḥibbān, I. (2000). *Kitāb al-Majrūḥīn min al-Muḥaddithīn*. Dār al-Sāmi'ī.
- Hijama, C. (t.t). *Relation between the Moon and Cupping*. Retrieved 4 4, 2020, from Hijama Cups: <http://hijamacups.com/relation-between-the-moon-and-cupping/>
- JAKIM, U. F. (n.d.). *Kalkulator*. Retrieved 4 4, 2020, from E-Falak JAKIM: <https://www.e-solat.gov.my/index.php?siteId=27&pageId=48>
- KKM, K. K. M. (2013). *Garis Panduan Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari Bekam*. Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

- Hakim, M. S., S. A. (2020). *Thibbun Nabawi: Tinjauan Syari'at dan Medis*. Jakarta: Gema Insani.
- Manzūr, I. (t.t). *Lisān al-Arab*. Mesir: Dār al-Ma'ārif.
- Noor, M. R. (2016, 5 28). *Bekam dari Perspektif Perubatan Moden*. Retrieved 4 5, 2020, from Fakta Sains: <https://www.faktasains.com/single-post/2016/05/28/Bekam-dari-Perspektif-Perubatan-Moden-1>
- Pustaka, D. B. (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sheikho, M. A. (2013). *"Cupping" A prophetic medicine appears in its new scientific perspective*. t.p.
- Sīnā, I. (t.t). *Al-Qānūn fī al-Ṭibb*. t.k.: Maktabat al-Ma'ārif.
- Therapy, H. (2013, 5 11). *So what's the big deal about the moon then?* Retrieved 4 2020, 4, from Hijama Therapy: <https://hijamatherapy.wordpress.com/2013/05/11/so-whats-the-big-deal-about-the-moon-then/>
- Time and Date AS. (t.t). *Moon Phases for Reed Brake Research Natural Area, 13 Jun 2020 – 4 Jul 2020*. Retrieved 4 6, 2020, from timeanddate.com: <https://www.timeanddate.com/moon/phases/@4085661>
- Yasin, S. a.-B. (t.t). *Bekam sunnah nabi*. t.t: t.t.